

**SOALAN NO: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG**

**TARIKH: 12 NOVEMBER 2014**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik pengangguran dan “underemployment” anak muda Malaysia berbanding negara-negara ASEAN lain, peratusan anak muda ikut kumpulan gaji RM 1,000 ke bawah, RM 1,500 ke bawah, RM 3,000 ke bawah dan selebihnya

**PR-1323-L65043**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Berdasarkan definisi Jabatan Perangkaan Malaysia, anak muda ditafsirkan sebagai golongan yang berumur di antara 15 hingga 24 tahun. Definisi ini adalah selaras dengan definisi yang digunakan oleh International Labour Organizations (ILO). Statistik kadar pengangguran anak muda di Malaysia berbanding Negara-negara ASEAN yang lain adalah anak muda di Malaysia (10.4 peratus), Singapura (7.0 peratus), dan Thailand (3.4 peratus) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1 : Kadar Pengangguran Belia (15 - 24 tahun) mengikut negara, Malaysia 2010 - 2013**

Tahun	2010	2011	2012	2013
Malaysia	10.2	9.9	10.3	10.4
Singapura	7.4	3.6	3.6	7.0
Thailand	3.9	2.9	2.7	3.4
Filipina	17.6	16.3	16.2	NA

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)

2. Pada dasarnya pengangguran anak muda melibatkan mereka yang mencari kerja buat pertama kali dan pengangguran golongan ini dikenali sebagai "*frictional unemployment*" yang didefinisikan sebagai pencari kerja buat pertama kali/ transisi antara kerja. Pengangguran ini kebiasaannya dalam tempoh jangka pendek atau sementara dan wujud di dalam semua negara. Dalam hubungan ini, kadar pengangguran anak muda di Malaysia sebanyak 10.9 peratus adalah dianggap normal.
  
3. Mengikut definisi Jabatan Perangkaan Malaysia, guna tenaga tidak penuh (atau *underemployment* dengan izin) ditafsirkan sebagai mereka yang sedang bekerja dan bekerja kurang dari 30 jam seminggu semasa minggu rujukan disebabkan bentuk kerja mereka atau disebabkan kurang kerja dan berkeupayaan serta sanggup menerima beban kerja tambahan. Berdasarkan Penyiasatan Tenaga Buruh Tahun 2013, Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan jumlah mereka yang sedang bekerja dan bekerja kurang dari 30 jam seminggu adalah seramai 643,100 orang, golongan lelaki seramai 297,900 orang manakala golongan perempuan seramai 345,200 orang.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Berdasarkan data maklumat gaji dari Jabatan Perangkaan Malaysia, bagi tahun 2013 peratusan anak muda mengikut kumpulan gaji RM1,000 ke bawah adalah 66.8 peratus (atau 1,144,500 orang), kumpulan gaji RM1,001 hingga RM1,500 adalah 20.5 peratus (atau 350,800 orang), kumpulan gaji RM1,501 hingga RM3,000 adalah 11.7 peratus (atau 199,800 orang) dan selebihnya adalah mereka dalam kumpulan gaji RM3,000 ke atas iaitu sebanyak 1 peratus (atau 18,100 orang) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Bilangan Penerima (15-24 Tahun) dan Peratus Penerima Mengikut Kumpulan Gaji**

Kelas Gaji (RM)	Bilangan penerima ('000)	Peratus Penerima (%)
1000 dan ke bawah	1,144.5	66.8
1001 - 1500	350.8	20.5
1501 – 3000	199.8	11.7
3001 dan ke atas	18.1	1.0
<b>Jumlah</b>	<b>1,713.2</b>	<b>100</b>

Sumber: Penyiasatan Gaji & Upah, Malaysia,  
Jabatan Perangkaan Malaysia